



10 Ogos 2012
10 August 2012
P.U. (A) 250

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN (LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN) (NO. 2) 2012

ROAD TRAFFIC (PROHIBITION ON DRIVING OF GOODS VEHICLES) (NO. 2) RULES 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN (LARANGAN PEMANDUAN
KENDERaan BARANGAN) (NO. 2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 88(1)(c) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri, setelah berunding dengan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Barang) (No. 2) 2012.**
- (2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 17 Ogos 2012.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, "kenderaan barang" ertiya mana-mana jenis kenderaan yang diperihalkan dalam Jadual Pertama dan Kedua.

Larangan

3. Pemanduan mana-mana kenderaan barang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama di mana-mana bahagian mana-mana jalan dilarang pada 17, 18, 25 dan 26 Ogos 2012 bagi masa yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama.

Pengecualian

4. (1) Kenderaan barang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dikecualikan daripada kaedah 3.
- (2) Walau apa pun kaedah 3 dan subkaedah (1), Menteri boleh mengecualikan mana-mana kenderaan barang daripada mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan olehnya.

JADUAL PERTAMA

[Kaedah 3]

KENDERAAN YANG DILARANG

	(1)	(2)
	<i>Jenis Kenderaan Barang</i>	<i>Masa Larangan</i>
(a)	Lori balak dan lori yang membawa bahan binaan seperti simen, besi, keluli, batu, pasir dan tanah	sepanjang masa
(b)	Jentera berat	sepanjang masa
(c)	Lori kontena/kargo yang membawa barang-barang elektronik/elektrik dan lori kontena/kargo yang berulang-alik di antara pelabuhan dengan lapangan terbang yang tidak berada di tempat yang sama	dari 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi
(d)	Lori pembancuh simen, kren bergerak dan lori jongket yang membawa batu, pasir dan tanah	<ul style="list-style-type: none"> (i) sepanjang masa; atau (ii) dari 6.00 petang hingga 6.00 pagi di kawasan Lembah Kelang (70 km dari pusat bandar) dan di kawasan Johor Bahru, Ipoh dan Kuantan (50 km dari pusat bandar) tertakluk kepada had masa operasi yang dibenarkan di jalan tertentu